

UNDANG –UNDANG KECIL IKLAN 1990
-SYARAT-SYARAT LESEN IKLAN-

- 1) Suatu iklan yang dipamerkan hendaklah menggunakan tulisan Jawi dan huruf-huruf Jawi tersebut hendaklah:-
 - a) Berukuran lebih besar atau sama besar dengan huruf-huruf bagi perkataan-perkataan dalam bahasa lain yang digunakan;
 - b) Diletak bahagian atas dan tulisan lain di bahagian bawah.
- 2) Suatu iklan hendaklah dalam bahasa kebangsaan sama ada dengan sendirinya atau bersama mana-mana bahasa yang lain.
- 3) Jika bahasa kebangsaan dan mana-mana bahasa yang lain digunakan dalam apa-apa iklan:-
 - a) Tiap-tiap maklumat yang diberi dalam bahasa lain itu hendaklah juga diberi dalam bahasa kebangsaan;
 - b) Huruf-huruf bagi perkataan-perkataan dalam bahasa kebangsaan hendaklah berukuran lebih besar daripada huruf-huruf atau tulisan-tulisan bagi perkataan-perkataan dalam bahasa yang lain itu hendaklah diberi penonjolan;
 - c) Bahasa kebangsaan hendaklah dibawah daripada tulisan Jawi dan tulisan bahasa lain dibawah.